

Underground Memintal Mental Remaja

Oleh **HUMAI DI TEH**

UMAT Islam sentiasa hanya mampu reaktif terhadap apa-apa unsur budaya baru yang melanda mereka. Mereka bukan sahaja tidak mampu mencipta yang baru, malahan tidak juga mampu mengubahsuainya supaya lebih mesra dengan budaya mereka, jauh sekali untuk proaktif terhadap isu yang menyentuh umat Islam. Kalangan umat Islam yang banyak terlibat di dalam isu budaya dan seni ialah remaja.

Remaja mudah dibentuk menurut acuan perancangannya. Dengan sifat ingin tahu, suka meniru, ingin mencuba yang baharu dan mengikut trend, inilah yang mendorong mereka mudah diajak untuk bersama-sama menyertai mana-mana arah pemikiran baru, atau gaya hidup baru.

Di tengah-tengah pembaharuan, Lahirnya gaya muzik baru, menggegarkan rentak rasa, jiwa dan minda, muzik *underground*. Muzik *underground* memang mempunyai kekuatan tersendiri untuk membawa pemirsa serta pelakunya terusik dan terikut-ikut dengan rentak serta gerak muzik yang dimainkan, lebih-lebih lagi jika turut dinyanyikan.

Rocks (salah satu cabang muzik *underground*) daripada satu sudut pemakaian istilahnya, ada persamaan dengan satu bentuk tarian dan nyanyian yang dipelopori oleh sekumpulan sufi yang dipercayai muncul di Mesir mungkin



Mungkinkah remaja ini terikut-ikut dengan gaya *underground*?

pada abad ke-9.

Kumpulan ini mendendangkan lagu-lagu puisi puji-pujian terhadap Allah. Mereka menyanyi beramai-ramai dengan iringan gendang atau genderang. Nyanyian begini mengasyikkan, dan mereka berbuat demikian dengan harapan untuk menimbulkan kesan yang mendalam di dalam jiwa mereka.

Nyanyian serta tarian berkumpulan yang melibatkan kumpulan penyanyi serta audiens membawa kesan yang tersendiri. Bentuk tarian berserta nyanyian sufi ini diberi gelar *al-raqsu*.

Kalaulah istilah ini sengaja dipinjam

terus daripada istilah khusus kumpulan sufi ini pun memang nampak ada persamaan sifat serta kesan yang ingin diperolehi daripada bentuk demikian.

Cuma yang berbeza antara keduanya ialah yang satunya membawa kesan yang positif, dan yang satu lagi belum tentu membawa positifnya atau negatif.

Muzik *underground* ialah alat untuk menghasilkan kesan bunyi yang mampu menggerakkan rasa dan minda seseorang. Sama ada kesan yang terhasil daripada muzik itu positif atau negatif masih lagi tergantung pada faktor-faktor lain di persekitarannya, iaitu; lirik lagu, sifat penyanyi dan pemirsa atau audiensnya. Ketiga-tiga unsur ini boleh menentukan kesan daripada muzik *underground*. Persekitaran yang baik akan membentuk kesan yang baik.

Pada beberapa tahun yang lalu penulis bertembung dengan suatu konsert yang berupa konsert *rock* tetapi persekitarannya agak berbeza. Penyanyinya Muslim yang menampilkan imej yang sopan dalam menyanyikan lirik nasyid yang membawa mesej dakwah.

Konsert itu diadakan di dalam kampus Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga di Jokjakarta, Indonesia. Tentunya dengan persekitaran demikian tidak mudah untuk dilabelkan konsert itu sebagai liar dan membawa kesan negatif, walaupun terdapat unsur *under-*



Penampilan begini jelas memintal mental remaja tempatan.

ground yang jelas.

Penulis tidak bermaksud untuk mengesyorkan konsert demikian diadakan atas nama dakwah. Namun, mungkin dapat difikirkan oleh pihak penyanyi, pencinta serta penganjur *underground* supaya dapat menerima *input* ini sebagai bahan renungan dalam membuat variasi, kalau pun tidak membuat perubahan besar dalam penampilan *underground* untuk generasi muda secara lebih nampak positif.

Bukanlah di sini dimaksudkan untuk memberi gambaran bahawa masyarakat pencinta *underground* semuanya sudah terkena kesan kerosakan, tetapi gaya penampilan pihak-pihak ini memberi konotasi yang tidak banyak menunjukkan positifnya. Oleh sebab itulah rata-rata masyarakat memandang serong terhadap muzik *underground*. Tambahan pula jika lirik lagu yang dinyanyikan boleh membawa kesan negatif. Keadaan bertambah kompleks apabila penyanyi dan peminat muzik ini menampilkan diri dengan pakaian, pergaulan serta suasana yang kurang sopan.

Pandangan masyarakat tertumpu pada penampilan keseluruhan pihak-pihak yang terlibat dengan muzik ini. Jika

mereka ini membawa citra diri yang lebih positif mungkin juga imej muzik *underground* tidak seperti yang ada.

Persoalannya ialah mengapa dan bagaimana boleh terjadi penampilan kalangan yang tidak menggambarkan bahawa mereka ini berpegang pada nilai yang sesuai dengan norma sosial yang serasi dengan masyarakat umum? Apakah apabila sesiapa saja masuk ke alam muzik *underground* mereka perlu merobah nilai diri? Apakah mereka tidak lagi sesuai berpakaian sopan, menjaga tata-susila pergaulan atau berpegang pada nilai-nilai sosial yang selama ini sudah ampuh di dalam masyarakat?

Yang kelihatan di dalam acara begini ialah anak-anak muda remaja bergaul bebas lelaki dan perempuan, tanpa batas, tanpa had, tidak segan tidak silu berpelukan, berpautan sesama mereka. Mereka seolah-olah hidup dalam alam yang asing, di luar lingkungan budaya serta nilai hidup yang sedia ada.

Jika keadaan ini berterusan, imej kumpulan akan terus terbentuk seperti yang sedia ada. Ini ditambah lagi dengan kebanyakan lirik yang dinyanyikan melibatkan pemujaan terhadap wanita, dadah, arak, kehidupan masyarakat *gay*,

lesbians dan kehidupan bebas tanpa ikatan agama serta norma-norma sosial yang murni.

Soalnya mungkin ada yang mendakwa bahawa tidak banyak kesan lirik nyanyian di dalam lagu-lagu begini kerana yang diminati ialah rentak muzik serta lagu sahaja. Kata mereka liriknya tenggelam di dalam rentak muzik yang berat dan kuat.

Dakwaan begini memang biasa didengar. Namun ternyata rata-rata penggemar muzik jenis ini menunjukkan sikap diri dan sikap kumpulan yang semakin kental terhadap "tokoh-tokoh" mereka.

Pemujaan terhadap kumpulan serta ahli kumpulan terbentuk kuat dan kental, melebihi tahap kecintaan terhadap mana-mana tokoh lain di dalam bidang lain. Soalnya bagaimanakah sikap ini terbentuk? Apakah sikap sedemikian mungkin melalui kesan muzik dan nyanyian berkumpulan? Apakah matlamat sebenar penganjuran konsep muzik begini?

Mungkinkah ini merupakan suatu corak dan langkah pihak-pihak tertentu untuk mewujudkan sesebuah "agama" atau semacam pegangan kepercayaan baru di dalam pemikiran remaja kini?

Hal ini merupakan suatu persoalan baru yang wajar juga diberi perhatian oleh ahli fikir kita terutama golongan agama dan pendidik. Kumpulan ini tidak menampakkkan mereka menolak agama, namun keasyikan mereka dengan muzik ini menyebabkan mereka lalai daripada memenuhi tuntutan agama, atau memandang remeh terhadap nilai-nilai keagamaan.

Pegangan kumpulan sebegini ialah nilai kebebasan yang diperoleh dan dirasai oleh mereka daripada penglibatan dengan kumpulan ini. Di sini mereka menikmati sesuatu yang baru, iaitu kebebasan hidup dan terlepas daripada ikatan norma-norma agama dan budaya yang ada.

Mereka mahu *break-away* daripada apa sahaja ikatan, termasuk ikatan perkahwinan, malahan sehingga mahu melepaskan apa sahaja yang melekat pada badan mereka yang dirasai oleh mereka sebagai belunggu pada badan mereka ..., maka mereka mungkin bertelanjung bulat dalam keadaan separuh sedar kerana mereka tenggelam di dalam keasyikan ini.

Inilah keasyikan yang memintal minda mereka sehingga seolah-olah mereka sudah terikat dengan norma baru di dalam kumpulan yang mereka berada kini. Hakikatnya mereka tidak pun terikat dengan apa-apa undang-undang, tetapi disebabkan oleh keasyikan di dalam kumpulan itulah yang membentuk belunggu sehingga dirasai ikatan yang kukuh antara mereka.

Nilai apakah yang terbina di dalam minda mereka sehingga terjadi demikian kukuh sehingga berjaya menjaral serta merambat di kalangan remaja yang agak berpendidikan kini? Mungkinkah ini yang dikatakan nilai falsafah hedonisme yang tiada lain yang dikejar melainkan hiburan?

Mereka membuat dakwaan bahawa hidup mesti gembira, kita mesti berhibur sepanjang waktu. Tuhan memberikan segala-galanya kepada manusia supaya mereka dapat berhibur. Malahan dalam istilah sesetengah agama, ada kepercayaan mendakwa bahawa Tuhan memberikan kuasa kepada ketua agama, paderi atau sami untuk mengampunkan dosa yang dilakukan oleh penganut agama mereka.

Dengan ini semua penganut dapat bergembira dengan apa cara sekalipun. Dasar faham pengampunan begini memberi ruang sepenuhnya kepada penganut untuk sentiasa bergembira walaupun dengan melakukan dosa.

Minggu lalu sebuah kumpulan *underground* dari California, iaitu Linkin Park, yang mempunyai ramai peminat di Malaysia mengadakan persembahan di Stadium Merdeka. Walaupun konsert itu diadakan pada malam hari, para remaja telah mulai berkumpul pada awal petang lagi. Seramai tidak kurang 25 000 orang peminat *underground* membanjiri stadium pada konsert itu.

Tidak dapat dinafikan bahawa sebilangan yang tidak kecil daripada kalangan remaja itu ialah remaja Melayu-Islam. Jadi, di manakah nilai agama yang telah dibina di sekolah sepanjang persekolahan mereka? Di manakah "Asar" dan di manakah pula "Maghrib" mereka? Memanglah "Tuhan Maha Pengasih dan Maha Penyayang serta Maha Pengampun". Buatlah apa sahaja dosa Tuhan akan mengampunkannya.

Dakwaan begini cukup menarik minat remaja. Dengan keyakinan bahawa Tuhan Maha Pengasih dan Maha Penyayang serta Maha Pengampun menjadi slogan yang meluas dan tanpa had umpama umpama yang cukup menarik kepada para pemuda dan remaja yang dihantui oleh dorongan nafsu yang kuat dengan falsafah hedonisme. Tambahan pula dengan faham agama yang sebenar semakin jauh daripada minda mereka, faham-faham yang sesat begini akan dilihat sebagai benar sentiasa.

Di tengah-tengah faham beginilah muzik *underground* memancing minat remaja dengan segala unsur negatifnya tanpa dapat ditapis lagi, selain etika berpakaian. Bagi masyarakat yang tidak menyelami hakikat permasalahan muzik begini, yang mudah bagi mereka untuk menyatakan bantahan mereka ialah dengan mencaci dan mengutuk golongan yang terlibat dengan muzik ini.

Kutukan tidak dapat menyelesaikan masalah yang bersifat emosi begini. Mengusik emosi seseorang adalah umpama mencungkil bisul yang sedang membengkak. Nanah bisul yang bersarang di dalam bisul cukup menguasai

diri pesakit. Oleh yang demikian untuk mengubati bisul itu doktor wajar memberikan ubat pelali supaya emosi pesakit dapat dikuasai lebih dahulu dengan pelali itu.

Ada orang berpendapat bahawa seseorang yang sedang dipengaruhi oleh emosi akan dapat dipengaruhi dengan langkah menguasai emosinya. Peminat muzik *underground* yang emosinya sedang dibuai khayalan indah itu mudah diajak untuk menjiwai mesej yang diberikan melalui lirik yang dinyanyikan dengan muzik itu, bukan muzik lain atau rentak lain. Dalam keadaan ini langkah yang diambil untuk menguasai mereka ialah dengan langkah menguasai emosi mereka.

Oleh sebab mereka sedang dikuasai oleh suasana maka suasana itulah yang patut dirobah. Langkah yang patut diambil ialah merobah persekitaran persembahan muzik tersebut melalui penampilan pemuzik dan penyanyi yang kelihatan lebih bermoral serta lirik yang membawa mesej positif.

Aliran muzik dangdut pada suatu masa dipandang serong sebagai muzik dengan imej yang rendah. Ia telah berubah dengan penglibatan Rhoma Irama dengan mesej dakwahnya, serta penampilan dirinya yang kelihatan lebih bermoral.

Mungkinkah persembahan *underground* dapat dicorakkan semula seperti Emha Ainun Najib yang membentuk kumpulan gemelan Kiai Kanjeng. Beliau juga ada melabelkan Siti Nurhaliza sebagai ikon budaya Melayu kerana sikap Siti menolak untuk dicium oleh lelaki yang bukan mahramnya sebaik sahaja selesai mengadakan satu persembahannya di Indonesia. Demikian kenyataan yang ditulis oleh Zaini Husin di dalam *Panca-Indera* sisipan Mingguan Malaysia 26 Oktober 2003.

Suasana persekitaran semasa persembahan dibuat seperti kisah yang dipaparkan di atas cukup memberi impak kepada konsep keseluruhan kumpulan muzik yang berkenaan. Ia juga membentuk norma sosial pihak-pihak yang terlibat. Di sinilah letaknya keprihatinan semua pihak semasa menangani sesuatu yang boleh membentuk nilai serta norma hidup masyarakat. db